

**PENDEKATAN HASAN AL-BANNA DALAM PEMBANGUNAN
INSAN MENERUSI MAJMU'AT AL-RASAIL**
(Hasan al-Banna's Approach in Human Development Through Majmu'at al-Rasail)

¹ ZAINUDIN HASHIM

¹ FAKHRUL ADABI ABDUL KADIR

¹ YUSMINI MD. YUSOFF

¹ Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Pembangunan insan adalah antara misi utama ajaran Islam. Hijrah Rasulullah SAW ke kota Madinah adalah untuk melakukan satu anjakan paradigma bagi melakukan pembangunan insan dalam pelbagai bentuk dan dimensinya. Islam mendukung penuh usaha membentuk dan membangunkan manusia berkualiti bahkan konsep kualiti itu sendiri adalah unik dalam Islam kerana ia merangkumkan kedua-dua aspek fizikal dan rohani, dunia dan akhirat. Makalah ini sedaya upaya cuba mengupas pandangan Hasan al-Banna dalam penulisan Majmu'at al-Rasail yang telah mengemukakan 3 elemen pembangunan insan dalam pembentukan individu Muslim, keluarga Muslim dan masyarakat Muslim menerusi penulisannya. Justeru, motivasi diri dalam 'Majmu'at al-Rasail' telah menyumbang kepada aspek pembangunan insan itu sendiri. Kupasan ini diharap dapat mencungkil sumbangan Hasan al-Banna dalam aspek pembangunan insan, terutama dalam konteks melahirkan lebih ramai lagi individu dalam tanah air dan seterusnya masyarakat yang benar-benar berkualiti.

Kata Kunci: Hasan al-Banna; pembangunan insan; majmu'at al-Rasail'

ABSTRACT

Human development is the primary mission of Islam. The Prophet Muhammad (p.b.u.h) moved to the city of Medina is a thrust for a paradigm of human development

Corresponding author: Zainudin Hashim, Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, mel-e: ustazzain@gmail.com

Diserahkan: 5 Januari 2015

Diterima: 26 Mei 2015

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2015-0702-04>

in various shape and dimensions. Islam fully supports efforts to establish and develop the quality of human. Even the concept of quality itself is unique in Islam because it covers both spiritual and physical aspects of this world and hereafter. This article with the at most trying to reveal the opinion of Hasan al-Banna in Majmu'at al-Rasail which has submitted 3 elements of 'Human Development' in Muslim individual development, Muslim family and Muslim community through his writings devoted. Hence, self-motivation in Majmu'at al-Rasail has contributed to human development aspect itself. Hopefully, this analysis will unearth Hasan al-Banna's contribution in human development especially in the context of creating more individuals and community with better quality.

Keywords: *Hasan al-Banna; human development; majmu'at al-Rasail.*

PENDAHULUAN

Pembangunan insan adalah menjadi kemestian kepada setiap muslim seperti mana kemestian mereka menggarap ilmu pengetahuan yang disarankan oleh Islam. Namun usaha ke arah mencapai matlamat pembangunan insan itu menjadi agenda berterusan yang boleh dicapai dalam pelbagai bentuk kaedah, sama ada melalui program motivasi, khutbah, ceramah, forum dan penulisan. Kajian ini lebih memfokuskan aspek penulisan daripada kaedah yang boleh membangun insan terutama golongan pembaca dan pengkaji.

Sesungguhnya aspek penulisan dapat menyatakan keinginannya untuk memberitahu, mendidik, membujuk dan menghiburkan khalayak pembaca. Pada masa yang sama, dengan penulisan ia dapat menghubungkan (idea-idea) penulis dengan karyanya kepada pembaca. Keempat-empat faktor di atas diyakini amat penting bagi merealisasi matlamat pembangunan insan setelah pembaca menilai segenap maklumat yang terkandung dalam isi kandungan yang disampaikan oleh penulis, kerana setiap faktor berkenaan mampu untuk menjadikan golongan pembaca bertekad untuk berubah ke arah keadaan yang lebih baik lagi (Mus Chairil Samani 1997).

Penulisan telah tersebar di zaman keemasan Islam pimpinan Rasulullah SAW dengan begitu meluas sekali termasuk di zaman jahiliah. Buktinya apabila al-Quran sendiri menganjurkan aspek pembelajaran merangkumi bacaan, tulisan dan ejaan melalui ayat pertama yang diturunkan dalam al-Quran iaitu konsep 'Iqra'. Maka lahirlah selepas itu mereka yang bergelar guru, penulis dan pembaca. Wahyu al-Quran itu sendiri amat memerlukan kepada golongan para penulis, begitu juga dalam urusan rasmi 'Negara Islam Pertama' pimpinan baginda SAW di Madinah. Malah sabit dalam sejarah bahawa Rasulullah SAW memiliki 40 penulis wahyu dan

penulis beberapa disiplin ilmu lain seperti periwayatan hadis, muamalat, bab hutang, bab sedekah, penulis surat rasmi dalam pelbagai bahasa dunia (untuk diserahkan kepada pembesar-pembesar negara ketika itu). Aspek penulisan semakin berkembang pesat dengan tersebarnya para sahabat Nabi yang mengembara ke beberapa pelosok dunia bertujuan untuk menyebarkan Islam. Keberadaan para sahabat di situ telah memperbanyakkan konsep pembelajaran di masjid-masjid hingga Islam diterima dengan baik oleh masyarakat dunia ketika itu melalui penulisan-penulisan dalam bentuk risalah-risalah kecil yang diagihkan kepada umum. (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib 1983).

Hasan al-Banna menggunakan segala kudrat, bakat dan keupayaannya dalam penulisan, kerana dengannya ummah mampu merujuk kepada perkara yang dilontarkan berbanding dengan ucapan yang mungkin pendengar dapat memahami ketika itu, tetapi selepas meninggalkan tempat ceramahnyanya, besar kemungkinan tidak dapat diingati dengan baik. Maka Hasan al-Banna menggunakan kesempatan masa yang ada bagi menghasilkan penulisan karyanya yang bermutu yang kesemuanya membahaskan aspek tarbiah untuk membuka minda ummah pada ketika mereka dijajah dengan begitu teruk sekali. Penulisan yang pernah dihasilkan itu diulang cetak beberapa kali memandangkan keperluannya untuk mengisi kekosongan jiwa, roh, minda dan jiwa insan di sekeliling untuk dibangun agar mampu menjadi ummah yang terbaik di sisi Allah SWT.

Penulisan kitab *Majmu'at al-Rasail* yang dihasilkan dipilih dalam kajian ini adalah untuk mengupas mengenai agenda pembangunan insan menurut pandangan Hasan al-Banna yang ditujukan kepada para belia agar mereka menjadi;

1. Individu Muslim/Muslimah yang jelas dari sudut pemikiran dan akidahnya, ini termasuk kejernihan emosi dan segenap tindakan dalam kehidupan.
2. Mampu mencipta sebuah rumah tangga Muslim dari sudut pegangan, akidah, pemikiran hingga melahirkan pasangan suami isteri yang saling dapat membantu antara satu sama lain dalam melayari bahtera rumah tangga yang bersifat Islam.
3. Membentuk masyarakat yang juga bersifat Islam setelah membentuk individu-individu menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab mengembalikan kemuliaan Islam melalui pendekatan Islam di desa-desa, bandar-bandar, pusat-pusat kegiatan masyarakat dan sebagainya. (Hasan al-Banna 1949).

Ia merupakan kesinambungan daripada luahan dan harapan Hasan al-Banna yang ingin melihat para belia memiliki dalam diri mereka 4 faktor penting; iaitu insan yang kental jati diri, penuh keikhlasan yang jitu, keberanian dan semangat juang yang tinggi (hadapi cabaran) dan mampu bekerja (beramal) menurut kemampuan fizikal mereka (Hasan al-Banna 1949).

Yang dimaksudkan oleh beliau dalam konteks bekerja (untuk Islam) adalah yang dicetuskan menerusi rukun beramal, terdiri daripada 10 faktor penting iaitu akidah yang jitu, konsep Ibadat yang menepati piawaian Islam, memelihara tubuh badan agar sentiasa sihat, sentiasa memelihara akhlak terpuji, berusaha menggarap ilmu, mampu berdikari, mampu mengawal dan menguasai diri, bijak dalam mengurus waktu, memiliki disiplin yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan boleh memanfaatkan diri untuk masyarakat (Hasan al-Banna 1949).

Alasan mengapa Hasan al-Banna mengemukakan 3 elemen pembangunan insan dalam pembentukan individu Muslim, keluarga (rumah tangga) Muslim dan masyarakat adalah kerana apabila semua mereka dapat dibangunkan, maka akan lahir satu ummah yang diinginkan Allah sebagai ummah yang terbaik seperti yang ada dalam al-Quran, surah Ali ‘Imran ayat 110. Firman Allah:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahan: “Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah”.

KONSEP PEMBANGUNAN INSAN MENURUT ISLAM

Insan adalah sejenis makhluk yang dibangunkan oleh Allah SWT kerana mempunyai potensi besar dalam merealisasikan tugas dan amanah sebagai khalifah, justeru insan dicipta dengan selengkap-lengkap penciptaan merangkumi roh, jasad, akal, naluri serta perasaan yang menjadikannya sempurna. Ini dijelaskan sendiri oleh Allah dalam ayat 4 surah at-Tin:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Terjemahannya: “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)”.

Ia sebagai bukti bahawa al-Quran sebagai sumber pembangunan insan. Sementara hadis Rasulullah SAW juga menjadi rujukan utama dalam aspek pembangunan insan, ia dibuktikan menerusi hadis berikut:

حديث رواه الإمام أحمد والترمذي عن عبد الله بن يسر، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: خَيْرُ النَّاسِ مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَحَسُنَ عَمَلُهُ (صحيح).

Terjemahannya: “Sebaik-baik manusia yang panjang umurnya, baik pula amalannya”. Hadith Sahih dalam Musnad Ahmad (27531 - 1993), daripada ‘Abd Allah bin Yusr.

قال رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: خَيْرُ النَّاسِ أَحْسَنُهُ خُلُقًا. حديث عن ابن عمر رضي الله عنهما (حديث صحيح من رواية البخاري) رقم 1837 في السلسلة الصحيحة (الألباني، 1988)

Terjemahannya: “Sebaik-baik manusia adalah yang paling baik akhlaknya”. Hadis sahih riwayat al-Bukhari dalam *al-Silsilah al-Sahihah* daripada Ibn Umar r.a. (hadith no. 1837)

Al-Bahi (1986) menegaskan, bahawa Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dengan melakukan penghijrahan ke kota Madinah adalah untuk melakukan proses pembangunan insan dengan segala bentuk kemajuan, perkembangan yang produktif untuk menuju kepada satu keadaan yang lebih baik dari sebelumnya yang tidak dapat dilakukannya ketika berada di Makkah (lantaran pelbagai halangan dan tribulasi yang dihadapi). Namun baginda berjaya melakukannya menerusi dua pendekatan utama;

1. Menyucikan manusia dari sebarang bentuk kesyirikan dengan penyembahan berhala, membangun mereka dari sikap jahiliah kepada Islam yang menganjur agar insan berilmu (dalam segenap disiplin ilmu), membangun mereka menuju tahap manusiawi yang hakiki sebagai hamba Allah SWT.
2. Membangun manusia dengan menyelamatkan mereka dalam kegelapan hidup selain Islam menerusi ‘Tamadunnya’ yang mendidik insan agar memiliki prinsip yang jelas dengan Islam meliputi akhlak, ekonomi, politik, sistem hidup yang menghubungkan manusia dengan Allah dan sesama manusia berpaksikan acuan agama Allah (al-Bahi 1986). Ini termeterai dalam ayat 103 surah Ali ‘Imran yang bermaksud: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam).

Islam amat mengambil berat keberadaan insan di muka bumi ini, setelah Nabi Adam a.s. dikeluarkan dari syurga dan diarah turun ke bumi (dunia ini) untuk menjadi khalifah dengan mengurus tadbir bumi dengan segenap kehendak Allah SWT yang berpaksikan kebenaran Islam yang dibawa oleh Adam a.s. hingga kepada Nabi Muhammad SAW.

Insan boleh dibangunkan dengan unsur-unsur kebaikan, pembangunan, kebangkitan, kemajuan, perkembangan dan sebagainya. Insan seperti yang telah dijelaskan mempunyai potensi untuk dibangunkan. Insan walaupun sentiasa dibelenggu dengan pelbagai masalah akibat dari pengaruh persekitaran, tetapi yang penting kita mampu membangunkan insan sehingga berupaya mencipta sejarahnya tersendiri bagi menggapai masa depan yang gemilang melalui penggarapan ilmu, berusaha untuk berdaya saing, berakhlak mulia dalam segenap keadaan dengan tuntutan agama (Malek Bennabi 1985).

Apabila umat Islam seluruhnya kembali mengguna-pakai *manhaj* Islam (al-Quran, al-Sunnah dan Sirah Nabawiyah) dalam segenap kegiatan kehidupan, maka tidak mustahil insan-insan yang berada di sekeliling akan dapat dibangunkan dengan jayanya, mampu mengelakkan mereka daripada terjebak dalam kemaksiatan. Ini kerana kita tidak perlu menunggu lama untuk mewujudkan sebuah Negara Islam untuk berbuat demikian seperti negara Islam pertama di kota Madinah. Undang-undang Allah yang termeterai dalam agama Islam mampu dilaksanakan. Al-Quran telah membongkar persoalan itu apabila mengajak insan seluruhnya di peringkat Makkah lagi agar menjauhi perbuatan yang boleh membawa kepada zina, seperti yang ditegaskan Allah menerusi surah al-Isra' ayat 32 (Sayyid Qutb 1982) :

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Terjemahannya: “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)”.

Walaupun di peringkat Makkah, Islam masih belum menyerlah dengan kewujudan sebuah negara Islam, namun larangan daripada terjebak pada jenayah zina telah diwartakan, dan ia telah diimplementasikan di Madinah setelah terbentuknya negara Islam pertama. Ini kerana Islam yang menjadi sandaran kepada negara Islam itu diangkat sebagai satu sistem yang lengkap dan praktikal (Ahmad Faez 1985).

Dalam hal ini, semua pihak harus sepakat bahawa semua mahukan diri masing-masing untuk dibangunkan, malah buat generasi yang sedang berkembang di hadapan kita, dan generasi yang akan datang serta bagi umat-umat lain. Ini kerana umat Islam diamanahkan oleh Allah SWT agar mengajak insan-insan seluruhnya kepada apa yang telah Allah SWT anugerahkan kepada kita, iaitu hidayah dan agama yang benar. Namun hal ini akan lebih bermanfaat dan membuahkan hasil jika kita mempunyai pemahaman dan pemikiran yang benar terhadap Islam. Pemahaman yang benar juga adalah asas bagi meraih kejayaan sesuatu usaha untuk dibangunkan (al-Qaradawi 2004).

Islam adalah agama yang serba sempurna kerana bersumberkan dari Yang Maha Sempurna yang amat sesuai dengan hakikat kewujudan insan yang dibekalkan

dengan akal fikiran dan naluri yang jernih. Justeru, insan amat perlu melakukan perubahan diri untuk membangunkan dirinya ke arah kesempurnaan dengan membebaskan dan menanggalkan segenap hubungan dengan tekanan falsafah hidup serta pemikiran yang tiada hubungan dengan Islam ('Abd al-Halim Uwais 1985).

Pembangunan insan, jelas disebut berdasarkan seruan al-Quran agar insan melakukan perubahan dan membangunkan diri mereka ke arah yang lebih baik. Ini menjadi keutamaan dan kewajipan seseorang insan terutama yang bergelar Muslim, seperti firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Terjemahannya: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”.

Dalam melalui kajian ini, aspek dan konsep pembangunan insan berdasarkan perspektif Islam membawa maksud, usaha pembangunan yang dilakukan secara menyeluruh oleh manusia terhadap diri untuk berubah kepada satu keadaan yang baik, dan untuk mengekalkan satu keadaan yang baik juga. Usaha tersebut mesti dilaksanakan mengikut panduan yang ditunjukkan dalam ajaran Islam dan tidak boleh menyimpang daripada ajaran Islam itu sendiri.

MAJMU'AT AL-RASAIL DAN HASAN AL-BANNA

Sumbangan Hasan al-Banna dalam menghasilkan karya penulisan begitu banyak dalam pelbagai disiplin ilmu seperti *Tahdid al-Nasl*, *al-Mar'ah al-Muslimah*, *al-'Aqid al-Islamiah*, *Allah fi al-Aqidah al-Islamiah* dan. Antara karyanya yang boleh dianggap penting adalah *Majmu'at al-Rasail* (ia adalah himpunan ulung penulisan rencana-rencana beliau yang telah dikumpulkan). Ia penting kerana mengandungi elemen tarbiah (pendidikan), dan motivasi ke arah pembangunan insan. Fokus kajian ini hanya tertumpu kepada pembangunan individu Muslim, rumah tangga Muslim dan masyarakat Muslim dalam Risalah Ila al-Syabab yang merupakan salah satu tajuk yang termuat dalam kitab *Majmu'at al-Rasail*.

HASAN AL-BANNA

Hasan al-Banna telah dilahirkan di kampung al-Mahmudiyah (sesetengah pendapat mengatakan di kampung Syamsyirah) dalam daerah Fuh di wilayah Kafr al-Syeikh (ada yang mengatakan dalam wilayah al-Buhairah), pada 17 Oktober 1906M bersamaan bulan Sya'ban tahun 1323H. Ia terletak kira-kira 90 kilometer dari bandar

Qahirah. Ayahnya Syeikh Ahmad bin ‘Abd al-Rahman bin Muhammad al-Banna al-Sa’ati (merupakan satu-satunya tukang baik pulih segala jenis jam pada zamannya yang terkenal di kedai miliknya, ia merupakan kerjaya asasi di samping menguasai bidang hadis hingga mampu menyelesaikan syarahan Musnad Imam Ahmad yang mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan). Hasan al-Banna berada dalam persekitaran keluarga yang beramal dengan Islam, cinta kepada ajaran agama yang cukup mendalam dengan berkat kegigihan ayahnya sebagai seorang ulama’ yang amat menjaga adab-adab Islam seperti yang terkandung dalam al-Quran dan ajaran Sunnah Rasulullah SAW (al-Jundi 2000). Hasan al-Banna dalam usaha dakwahnya itu telah mendapat dua keuntungan, pertama beliau dapat membina keyakinan diri sendiri dan kedua dapat mengkaji sifat, tabiat manusia dan pemikiran orang awam untuk dibangunkan (Wan Jafree 1980).

HASAN AL-BANNA DAN PEMBANGUNAN INSAN DALAM PEMBENTUKAN IKHWAN MUSLIMUN

Minat yang mendalam untuk meneruskan perjuangan Islam melalui dakwah dan pembangunan insan, adalah menjadi cita-cita Hasan al-Banna sejak menjejakkan kaki di Fakulti Dar al-‘Ulum lagi setelah memperdalam ilmu-ilmu Syari’ah Islam dan Usul al-Din di peringkat menengah, ini disebabkan kerana kebanyakan warga Mesir tidak lagi berpegang teguh kepada ajaran Islam sebenar ketika itu termasuklah pimpinan negara.

Pada bulan Zulkaedah 1347H bersamaan Mac 1928M, Gerakan al-Ikhwan al-Muslimun telah ditubuhkan di rumah pengasasnya iaitu Hasan al-Banna di Isma’iliyyah, setelah berbincang dengan enam orang, mereka terdiri daripada Hafiz ‘Abd al-Hamid, Ahmad al-Hasari, Fuad Ibrahim, ‘Abd al-Rahman Hasb Allah, Isma’il ‘Iz dan Zaki al-Maghribi yang pernah didekati oleh beliau dalam pertemuan sebelum ini di kedai-kedai kopi, warung-warung dan sebagainya dan akhirnya bersetuju untuk mendampingi dan mengikutinya dalam arena dakwah, kesemua tujuh individu berbai’ah untuk hidup sebagai saudara yang bekerja untuk Islam dan berjuang pada jalannya (Hussain b. Muhammad b. Ali Jaber 1987).

Tertubuhnya gerakan al-Ikhwan al-Muslimun ini amat dinanti-nanti oleh segenap individu Muslim yang cintakan agamanya agar aspek dakwah dan aspek pembangunan insan dapat dilakukan, lebih-lebih lagi ketika rakyat Mesir bergelumbang dengan pegangan yang tidak selari dengan Islam (Muhammad Amin Hasan 1983).

Justeru, apa yang dapat disaksikan, mereka (anggota Ikhwan Muslimun) yang keluar daripada madrasah usrah dan seumpamanya adalah individu yang memiliki segala kekuatan akidah, akhlak yang terpuji, hubungan yang intim dengan Allah

SWT melalui peribadatan yang mantap dengan konsisten, menjaga kesihatan hingga memiliki daya berfikir yang utuh seperti mana yang dikehendaki. Ini adalah agenda pembangunan insan yang terangkum dalam catatan idea Hasan al-Banna. Ia bertujuan bagi meneruskan kesinambungan dakwah yang dipusakakan oleh baginda Rasulullah SAW dengan penuh berhemah dan berhikmat. Mereka adalah anak didik Hasan al-Banna secara langsung dan tidak langsung yang merealisasikan segenap agenda pembangunan insan dalam aspek kehidupan.

Antara pendekatan agenda pembangunan insan Ikhwan Muslimun yang digariskan oleh Hasan al-Banna, ialah penyertaan mereka dalam pilihan raya untuk menyampaikan Islam. Puluhan tahun sejak Ikhwan Muslimun ditubuhkan, mereka tidak menggunakan kekerasan dalam aspek dakwah, hingga akhirnya mereka berjaya menguasai parlimen Mesir dan pembentukan kerajaan pada Jun 2012. Dr. Mohammad Morsi dari Ikhwan Muslimun yang mewakili Parti Kebebasan dan Keadilan (FJP) yang dibentuk oleh Ikhwan Muslimun adalah untuk memerintah negara dengan penuh kasih sayang dan berjaya dibuktikan.

Namun takdir Allah menentukan pada Julai 2013, Dr. Mohammad Morsi digulingkan sebagai presiden Mesir yang sah. Beliau serta pimpinan tertinggi Ikhwan Muslimun termasuk anggota-anggotanya ditangkap, namun mereka menghadapinya dengan penuh kesabaran walaupun baharu hanya setahun mengecap kemenangan dan memerintah negara.

Apa yang dapat disaksikan, episod penangkapan besar-besaran termasuk pembunuhan anak-anak pimpinan tertinggi utama Ikhwan Muslimun ditempuhi dengan sifat sabar, tenang, tawakal. Ini merupakan elemen ciri-ciri pembangunan insan yang mereka peroleh daripada program-program usrah dan seumpamanya tanpa bertindak balas dengan cara yang agresif bagi mengelak pertumpahan darah yang amat berharga. Tragedi itu disaksikan sendiri oleh pasukan keselamatan negara yang teruja dengan ketinggian akhlak segenap individu yang terlibat dalam Ikhwan Muslimun.

Justeru, gerakan al-Ikhwan al-Muslimun mempunyai ciri-ciri keistimewaan sebagai sebuah gerakan Islam terulung abad ini, iaitu melihat Islam sebagai agama yang syumul, menyeru ummah untuk berpadu dan bersatu tanpa berpecah-belah hingga menjadi lemah melalui pendekatan usul 20. Pendekatan ini menitik berat persoalan pembangunan menyeluruh terhadap minda, roh dan persaudaraan sesama anggota jemaah. Ia benar-benar berhasil hingga jemaah mampu membangun cara berfikir, perasaan, meningkatkan usaha, tarbiah, pembangunan insan, jihad, pembangunan ekonomi dan khidmat masyarakat (al-Qaradawi 1999).

PEMBANGUNAN INSAN DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT MUSLIM

Menurut al-Jundi (2007), insan seperti Hasan al-Banna sebenarnya mahu mengimplementasikan pembangunan insan sepertimana Ibn Taimiyah, Imam al-Ghazali, ‘Abd al-Wahhab as-Sya’rani, Solah al-Din al-Ayubi, Jamal al-Din al-Afghani, Syeikh Muhammad ‘Abduh dan lain-lain.

Namun Ibn al-Taimiyah tidak dapat melaksanakan proses pembangunan insan secara serius lantaran menghadapi puak-puak atau golongan-golongan seperti ahli falsafah yang keterlaluan, golongan tariqat sufi yang menjurus kepada seruan berzikir secara berlebihan tanpa mengambil peduli urusan pemerintahan yang menjauhkan mereka daripada acuan Islam sebenar. Imam al-Ghazali pula terpaksa mengasingkan diri dari dunia pertelingkahan yang tidak berkesudahan hingga membawanya kepada fokus dalam masjid dengan menghasilkan kitab ‘Ihya’. Imam as-Sya’rani hanya bersama puak-puak sufi dengan tidak melibatkan diri dalam jihad melawan golongan fasiq di zamannya. Sementara Solah al-Din sibuk menghadapi tentera Salib (Kristian), begitu juga Jamal al-Din al-Afghani bersama Syeikh Muhammad ‘Abduh menghadapi penjajahan yang kerap ditangkap dan dipenjarai, akibatnya aspek pembangunan insan tidak dapat direalisasikan dengan tersusun.

Namun ia berlainan dengan Hasan al-Banna yang terus diberi bantuan rohani dan ilham oleh Allah SWT. Jiwa membangun insan padanya bagi wujud pada diri Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Umar bin al-Khattab, Khalid bin al-Walid dan para sahabat Rasulullah yang lain. Ia diperkuat dengan keprihatinannya dalam segenap isu yang melanda umat Islam terutama di Mesir di mana cara hidup mereka jauh daripada nilai-nilai agama akibat penjajahan.

Menurut Muhammad Imarah (2007), ketika dunia Islam menghadapi krisis keyakinan terhadap agama di semua peringkat, sama ada dalam kalangan pemerintah, golongan atasan dan bawahan dalam kalangan rakyat, usaha untuk merealisasikan pembangunan insan dengan lain perkataan kesedaran terhadap agama Islam dengan pendekatan baharu telah berlangsung. Ia bermula dengan jurutera pemikiran Islam iaitu Syeikh Muhammad Abduh (1849-1905) dan muridnya Syeikh Muhammad Rasyid Redha (1865-1935) dengan memperkenalkan majalah al-Manar yang tersebar di seluruh antero dunia Islam (akhirnya kitab tafsirnya juga dinamakan al-Manar). Ia disifatkan sebagai satu usaha murni pembangunan insan yang terhenti di peringkat permulaan lantaran menghadapi kuasa penjajahan Barat. Kemudian usaha murni itu disempurnakan oleh Hasan al-Banna yang dilihat oleh umum seorang insan istimewa dengan memiliki segala sifat kebapaan, kepimpinan, kewibawaan yang amat terserlah dengan menyambung apa yang telah dipusakakan oleh Syeikh Rasyid Redha dalam menghuraikan tafsir yang bersifat mendidik dan membangun insan.

Hasan al-Banna walaupun secara tidak langsung mengambil peranan dan memikul tanggungjawab itu, beliau telah melaksanakan amanah membangun insan dengan melihat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian serius agar insan yang dilahirkan dapat merealisasikan segenap inti pati ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Maka aspek pembangunan insan Muslim, rumah tangga Muslim dan institusi masyarakat Muslim diberi keutamaan untuk menjamin kesinambungan pembangunan manusiawi. Penubuhan Jemaah Ikhwan Muslimun menjadi proksi kepada pelaksanaan program pembangunan insan secara praktikal. Hasan al-Banna telah meletakkan elemen penting dalam pembangunan insan seperti berikut.

Islam datang bertujuan untuk mengajak segenap manusia meninggalkan amalan jahiliah serta mengejar kebendaan. Seperti yang pernah dilakukan oleh para Rasul melalui pendekatan terhadap kaum atau umat masing-masing meninggalkan amalan syirik dengan penyembahan terhadap berhala dengan dibangunkan setiap individu daripada mereka melalui proses pengabdian diri kepada Allah SWT (al-Bahi 1986).

Menurut 'Abd al-Mun'im Abu al-Futuh (2007), penubuhan Ikhwan Muslimun yang dilakukan oleh Hasan al-Banna adalah bertujuan membentuk dan membangunkan individu Muslim dari sudut cara berfikir (aspek pemikiran) yang dihiasi dengan elemen agama yang merupakan cara terbaik menuju kemajuan sebenar yang dikehendaki Allah SWT. Gerakan ini sekali gus menjadi duta Islam dalam mempromosi segenap produk Islam secara praktikal seperti aspek akhlak, solat berjemaah, berlaku baik terhadap ibu bapa, jiran tetangga dan seumpamanya. Ini kerana Hasan al-Banna terpaksa menyanggah pandangan Menteri Pendidikan Mesir di zamannya, iaitu Dr Taha Hussein yang mahukan rakyat Mesir mengamalkan cara hidup Barat yang lebih moderat dalam serba-serbi. Justeru harapan beliau agar seluruh individu dalam Ikhwan Muslimun adalah agen perubahan kepada nilai-nilai Islam yang murni dengan menyertai program-program usrah yang banyak membentuk pemikiran Muslim. Itulah pendekatan positif yang diperkenalkan oleh Hasan al-Banna bagi menaik taraf Muslim sebagai umat terbaik di sisi Allah SWT.

Akidah yang jitu, ibadat yang menepati piawai Islam, memelihara tubuh badan agar sentiasa sihat, sentiasa memelihara akhlak terpuji, berusaha menggarap ilmu, mampu berdikari, mampu mengawal dan menguasai diri, bijak dalam mengurus waktu, memiliki disiplin yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan boleh memanfaatkan diri untuk masyarakat. Pendekatan Hasan al-Banna buat individu dalam Ikhwan Muslimun khususnya dan Muslim lain umumnya bagi meraih kejayaan dunia dan akhirat. Justeru, pendekatan dalam memantapkan persaudaraan Islam dalam kalangan anggota Ikhwan Muslimun ialah melalui aspek *ta'rif* (mengenal tanggungjawab sebagai insan), *takwin* (pembentukan jati diri), *tanfidh* (merealisasikan segenap tuntutan agama) dan *tamkin* (memantapkan kefahaman terhadap agama) (Hasan al-Banna 1949).

Topik mengenai konsep merubah institusi masyarakat adalah di antara topik yang merangkumi kebanyakan kajian dan analisis perkembangan institusi kemasyarakatan yang membabitkan batang tubuh insan dalam segenap kegiatan hariannya, iaitu dalam kehidupan serta hubungannya dalam masyarakat yang bertujuan untuk merubah nilai dan budaya yang tidak selari dengan perkembangan zaman (Saif al-Islam Ali Matar 1986).

Ini kerana melakukan proses perubahan seterusnya pembangunan insan itu adalah suatu kemestian yang wajib dilakukan dalam institusi masyarakat umat Islam, kerana Islam adalah agama yang sentiasa menyeru penganutnya melakukan perubahan dan pembangunan, jika tidak mereka terbelenggu dengan unsur-unsur masyarakat yang mementingkan kebendaan umpama masyarakat Jahiliyyah (al-Bahi 1986).

Justeru, masyarakat Islam yang dicetuskan oleh Hasan al-Banna (Sa'id Ramadan 1955) yang lahir daripada rumah tangga/keluarga Islam yang benar-benar komited, akan menjadi masyarakat mithali, ia jelma dari kebaikan rumah tangga yang dibina sebagai langkah pertama ke arah segala bentuk kebaikan. Jika ia baik, maka baiklah masyarakat kerana Islam telah menggariskan kaedah kehidupan bermasyarakat yang harmoni, yang ada di dalamnya keutuhan ukhawah yang menjadi penyebab masyarakat mampu menilai yang hak dan batil. Institusi masyarakat yang dijelmakan oleh Ikhwan Muslimun sentiasa meletakkan konsep 'takaful/saling bantu membantu', bukan sahaja dalam aspek kewangan dan kebendaan, malah yang lebih penting menjadi masyarakat yang menjamin akan keberlangsungan keberadaannya dalam memberi khidmat terbaik buat ummah. Biro Khidmat dan Kebajikan Jemaah Ikhwan Muslimun telah memainkan peranan penting dan berkesan kepada ummah seperti menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit secara percuma, menyediakan kelas-kelas pengajian buat mereka yang kurang berkemampuan dengan sukatan pelajaran yang lebih mapan bertujuan untuk menghapuskan buta huruf dalam kalangan rakyat bawahan termasuk kelas-kelas buat golongan dewasa.

Merujuk kepada al-Ghazali (1930), Hasan al-Banna dalam apa jua keadaan tidak pernah menyatakan bahawa setiap perkara ada masalah. malah semua perkara tidak mustahil boleh dilakukan untuk menempa kejayaan begitu halnya dengan isu institusi masyarakat. Bagi menjayakan masyarakat, ia tidak perlu kepada bentuk wang yang banyak untuk merealisasikan masyarakat yang baik, malah dilakukan dengan wasilah serta pendekatan yang difahami melalui pembinaan individu serta rumah tangga/keluarga yang di tarbiah melalui program-program usrah.

Dalam salah satu kenyataan Hasan al-Banna dalam pengajian '*Hadith al-Thulatha*' ketika menghuraikan konsep perkahwinan yang membuahkan generasi masyarakat berikutnya ada menegaskan, bahawa anggota jemaah dibolehkan untuk melewatkan perkahwinan jika masih belum mampu, atau sedang menghadapi masalah yang sukar untuk diatasi dengan segera. Apa yang penting baginya, anggota Ikhwan

yang lain mampu dan bersedia, segeralah berbuat demikian kerana tanggungjawab untuk memikul tugas dakwah sedia menanti dan memerlukan *da'ie* untuk melakukannya (Ahmad Isa 'Asyur 1980).

KESIMPULAN

Insan adalah subjek yang menjadi fokus penurunan al-Quran untuk membangun manusia menjadi makhluk terbaik. Ayat pertama yang diturunkan Allah ialah suruhan untuk membaca, agar melalui pembacaan manusia boleh membangun diri menjadi baik, cerdas, berakhlak mulia, dapat membezakan antara hak dan batil, haram dan halal. Inilah aspek atau ciri pembangunan insan yang dikehendaki Allah SWT. Pembangunan insan bukan suatu usaha yang remeh dan boleh dilakukan dengan mudah, ia tidak sama seperti untuk melakukan pembangunan material yang boleh dijangka perkembangan dan kejayaannya. Kerana ia berkait rapat dengan pelbagai aspek termasuk mengenai tabiat manusia itu sendiri yang perlu diambil kira dalam perancangan pembangunannya. Justeru, kegagalan mengenal pasti secara menyeluruh fakta-fakta dasar tabiat manusia akan menggugat kejayaan pembinaan dan pembangunannya. Tiga elemen pembangunan insan yang dilontarkan oleh Hasan al-Banna mengambil kira semua aspek tabiat manusia, inilah kejayaan Ikhwan Muslimun sejak ditubuhkan hingga ke hari ini. Mereka begitu istiqamah dalam segenap aspek kehidupan mereka walaupun mereka ditangkap, dibuang negara, dipenjarakan, digantung sampai mati dan sebagainya. Ini kerana apabila kesemua elemen yang disebutkan dapat dijayakan dalam diri seseorang individu terutama yang Muslim, maka tidak mustahil mereka akan mencapai sebaik-baik umat seperti yang ditegaskan Allah menerusi ayat 110 surah Ali 'Imran yang bermaksud: "Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan (buat manusia sejagat), menyuruh yang baik, mencegah yang mungkar dan beriman kepada Allah".

RUJUKAN

- Abd al-Halim Uwais. 1985. *Al-Islam Kama Yanbaghi An Nu'min Bihi*. Mesir: Dar as-Sohwah)
- Abd al-Munim Abu al-Futuh. 2007. *Buhuth Muktamar Miawiyah al-Imam al-Banna*. T.tp.: Markaz al-'Ilam al-'Arabi.
- Ahmad Faez. 1985. *Dustur al-Usrah fi Zilal al-Quran*. Beirut: Muassasat ar-Risalah.
- Ahmad 'Isa 'Asyur. 1980. *Nazarat fi Islah an-Nafs wa al-Mujtama' li al-Imam Hasan al-Banna*. T.tp: Dar al-I'tisam.

- al-Bahi, Muhammad. 1986. *Al-Quran wa al-Mujtama*. T.tp: Maktabah Wahbah.
- al-Ghazali, Muhammad. 1930. *Min Huna Na 'lam*. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- _____. 2007. *Al-Masyru' al-Islahi Li al-Imam Hasan al-Banna*. T.tp: Markaz al-'Ilam al-'Arabi.
- Hasan al-Banna. 1949. *Majmu'at al-Rasail*. Al-Qahirah: Dar al-Syihab.
- Hussain bin Muhammad bin 'Ali Jaber. 1987. *Al-Toriq Ila Jama'at al-Muslimin*” Mansourah: Dar al-Wafa.
- al-Jundi, Anwar. 2000: *Hasan al-Banna – Al-Dai'ah al-Imam wa Al-Mujaddid al Syahid*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Malek Bennabi. 1985. *Syurut an-Nahdah*, terj. 'Abd al-Sobur Syahin. Damshiq: Dar al-Fikr.
- _____. 1986. *Nahwa ...Al-Quran*. T.tp: Maktabah Wahbah.
- Muhammad Amin Hasan. 1983. *Khosois al-Dakwah al-Islamiah*. Amman: Maktabah al-Manar.
- Muhammad 'Imarah. 2007. *Al-Masyru' al-Islahi Li al-Imam Hasan al-Banna*. T.tp: Markaz al-'Ilam al-'Arabi.
- Mus Chairil Samani. 1997. *Penulisan Rencana Berkesan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1999. *Al-Ikhwan al-Muslimun 70 'Aman fi al-Da'wah wa al-Tarbiyah*. Al-AI-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Sa'id Ramadhan. 1955. *Ma'alim al-Tariq*. Al-Qahirah: Al-Matba'ah al-Jadidah.
- Saif al-Islam Ali Matar. 1986. *At-Taghaiyur al-Ijtima'i*. Mansurah: Dar al-Wafa.
- Sayyid Qutb. 1982. *Fi Zilal al-Quran*. Al-Qahirah: Dar as-Syuruq.
- _____. 2004. *Sanggahan Salah Tafsiran Islam*. Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.
- Wan Jaffree bin Wan Sulaiman. 1980. *Detik-Detik Hidupku.....Hasan al-Banna*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.